



**Soalan Lazim Penangguhan/Moratorium Pembayaran Balik Pinjaman
(pada 08/04/2020)**

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan penangguhan pembayaran balik pinjaman?	<p>Ia adalah penangguhan sementara kewajipan membayar balik pinjaman (prinsipal dan faedah) bagi tempoh masa yang terhad. Dalam tempoh ini, peminjam dengan pinjaman yang memenuhi syarat tidak perlu membuat sebarang pembayaran balik, dan tiada caj pembayaran lewat atau penalti akan dikenakan.</p> <p>Faedah akan terus terkumpul bagi pembayaran balik pinjaman yang ditangguhkan, dan Peminjam perlu melunaskan pembayaran balik yang tertunggak pada masa hadapan. Pembayaran balik pinjaman akan diteruskan sebaik sahaja tamat tempoh penangguhan.</p>
2.	Apakah objektif penangguhan pembayaran balik pinjaman?	Tujuannya adalah untuk menyediakan bantuan kewangan kepada individu dan perniagaan yang menghadapi kekangan sementara akibat pandemik COVID-19. Ini akan membantu individu dan perniagaan yang berdepan masalah kewangan untuk menghadapi cabaran sepanjang tempoh ini. Pembayaran balik pinjaman akan diteruskan sebaik sahaja tamat tempoh penangguhan.
3.	Adakah saya layak?	Para peminjam layak secara automatik sekiranya pinjaman mereka: <ul style="list-style-type: none">• tidak tertunggak lebih daripada 90 hari pada 1 April 2020; dan• dalam denominasi Ringgit Malaysia
4.	Berapa lamakah tempoh penangguhan?	Penangguhan ini adalah sehingga maksimum 6 bulan bermula dari 1 April 2020 hingga 30 September 2020.
5.	Jika saya memilih penangguhan ini, adakah rekod CCRIS saya terjejas teruk?	Tidak, ia tidak akan menjejaskan rekod CCRIS anda. Walau bagaimanapun, faedah akan terus terkumpul bagi pembayaran balik pinjaman yang ditangguhkan, dan Peminjam perlu melunaskan pembayaran balik yang tertunggak pada masa hadapan.
6.	Adakah saya perlu memohon?	Tidak. Ini merupakan penangguhan automatik dan terpakai bagi semua akaun pinjaman yang memenuhi kriteria sepertimana yang dinyatakan dalam perkara (3).

Senarai Soalan lazim adalah tertakluk kepada semakan oleh AIA selaras dengan kemas kini peraturan.

No.	Soalan	Jawapan
7.	Saya mempunyai tunggakan pinjaman, adakah saya layak?	Akaun pinjaman yang sudah tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020 tidak layak untuk penangguhan ini.
8.	Sekiranya saya layak untuk program penangguhan ini dan mempunyai arahan Debit Terus (<i>Direct Debit</i>) dengan AIA? Adakah saya perlu menghantar surat bertulis untuk menghentikan potongan?	<p>Bagi memudahkan para peminjam kami, secara automatik, <u>tiada</u> potongan akan dibuat melalui Debit Terus dengan AIA sepanjang tempoh penangguhan.</p> <p>Debit Terus akan disambung semula selepas tamat tempoh penangguhan pada 1 Oktober 2020.</p> <p>(Nota: Debit Terus adalah kebenaran daripada peminjam <u>kepada AIA</u> untuk mengutip pembayaran balik secara langsung daripada akaun Maybank/Public Bank mereka)</p>
9.	Bagaimana jika saya adalah Perancang Hayat AIA dan layak untuk program penangguhan ini? Adakah saya perlu menghantar surat bertulis untuk menghentikan potongan daripada penyata pendapatan Perancang Hayat saya?	Bagi memudahkan proses, secara automatik, tiada potongan pembayaran balik pinjaman akan dibuat daripada penyata pendapatan Perancang Hayat semasa tempoh penangguhan.
10.	Jika saya layak untuk program penangguhan ini tetapi memilih untuk meneruskan pembayaran balik pinjaman saya? Adakah saya perlu menghantar surat bertulis dan bagaimanakah saya boleh membuat pembayaran?	<p>Para peminjam hanya perlu meneruskan pembayaran balik pinjaman yang penuh tepat pada masanya secara dalam talian. Tiada notis perlu diberikan kepada Jabatan Pinjaman Gadai Janji. Pembayaran ini akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan semasa tempoh penangguhan yang akan mengurangkan jumlah pinjaman yang belum dijelaskan.</p> <p>Debit Terus/potongan pendapatan Perancang Hayat tidak akan diteruskan sepanjang tempoh penangguhan. Peminjam/Perancang Hayat yang ingin meneruskan pembayaran boleh berbuat demikian melalui e-pembayaran secara dalam talian atau mod pembayaran lain seperti di dalam lampiran. Tidak ada keperluan bagi peminjam menghantar surat bertulis kerana mereka hanya perlu membuat pembayaran seperti biasa.</p>

Senarai Soalan lazim ini tertakluk kepada semakan oleh AIA selaras dengan kemas kini peraturan.

No.	Soalan	Jawapan
11.	Jika saya layak untuk program penangguhan ini tetapi mempunyai tunggakan sebelum 1 April 2020, adakah Debit Terus atau potongan daripada penyata pendapatan Perancang Hayat akan diteruskan?	<p>Ya, Debit Terus/potongan daripada pendapatan Perancang Hayat akan diteruskan tetapi hanya untuk menolak tunggakan yang terkumpul sebelum 1 April 2020.</p> <p>Potongan akan berhenti sebaik sahaja tunggakan terkumpul sebelum 1 April 2020 telah dilangsaikan semasa tempoh penangguhan.</p>
12.	Bagaimana jika saya mempunyai arahan tetap (SI) daripada bank saya?	<p>Arahan tetap (SI) adalah satu arahan yang diberi oleh peminjam kepada pihak bank mereka untuk membayar sejumlah amaun tetap secara berkala kepada AIA.</p> <p>Oleh itu, 'SI' peminjam akan diteruskan melainkan ia dihentikan oleh pihak bank masing-masing. Semasa tempoh penangguhan, peminjam perlu melakukan sendiri pemberhentian 'SI' mereka selama 6 bulan dengan mengarahkan bank masing-masing dan meneruskan semula setelah tempoh penangguhan tamat.</p> <p>AIA hanya boleh mengawal arahan Debit Terus yang telah dibuat dengan AIA.</p>
13.	Adakah saya akan dikenakan faedah tambahan ke atas jumlah bayaran balik yang ditangguhkan selama 6 bulan dalam tempoh tersebut?	<p>Faedah akan terus dikenakan dan dikompaunkan seperti biasa ke atas baki yang belum dijelaskan sepanjang tempoh penangguhan.</p> <p>Walau bagaimanapun, tiada faedah penalti yang dikenakan kerana tidak membayar ansuran bulanan semasa tempoh penangguhan.</p>
14.	Adakah AIA akan mengkompaun faedah semasa tempoh penangguhan?	<p>Ya, faedah akan dikompaun semasa tempoh penangguhan.</p> <p>Perbezaan di antara faedah dikompaun dan faedah tanpa kompaun adalah minimum. Contohnya, pinjaman berjumlah RM100K dengan kadar faedah 4.99% setahun dalam tempoh 6 bulan adalah hanya sekitar RM26 ((b) tolak (a)).</p>

Senarai Soalan lazim ini tertakluk kepada semakan oleh AIA selaras dengan kemas kini peraturan.

No.	Soalan	Jawapan																																																	
		<table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Bulan</th> <th colspan="2">Faedah tanpa kompaun</th> <th colspan="2">Faedah dikompaun</th> </tr> <tr> <th>Faedah (RM)</th> <th>Baki akhir bulan (RM)</th> <th>Faedah (RM)</th> <th>Baki akhir bulan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Mac</td> <td></td> <td>100,000.00</td> <td></td> <td>100,000.00</td> </tr> <tr> <td>Apr</td> <td>409.02</td> <td>100,409.02</td> <td>409.02</td> <td>100,409.02</td> </tr> <tr> <td>Mei</td> <td>422.65</td> <td>100,831.67</td> <td>424.38</td> <td>100,833.40</td> </tr> <tr> <td>Jun</td> <td>409.02</td> <td>101,240.68</td> <td>412.43</td> <td>101,245.82</td> </tr> <tr> <td>Julai</td> <td>422.65</td> <td>101,663.33</td> <td>427.92</td> <td>101,673.74</td> </tr> <tr> <td>Ogos</td> <td>422.65</td> <td>102,085.98</td> <td>429.72</td> <td>102,103.46</td> </tr> <tr> <td>Sept</td> <td>409.02</td> <td>102,495.00</td> <td>417.62</td> <td>102,521.08</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>2,495.00</td> <td>(a)</td> <td>2,521.08</td> <td>(b)</td> </tr> </tbody> </table> <p>Ilustrasi di atas adalah berdasarkan andaian berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengiraan asas bagi tahun ialah 366 hari setahun. • Tiada urus niaga sepanjang tempoh penangguhan. 	Bulan	Faedah tanpa kompaun		Faedah dikompaun		Faedah (RM)	Baki akhir bulan (RM)	Faedah (RM)	Baki akhir bulan (RM)	Mac		100,000.00		100,000.00	Apr	409.02	100,409.02	409.02	100,409.02	Mei	422.65	100,831.67	424.38	100,833.40	Jun	409.02	101,240.68	412.43	101,245.82	Julai	422.65	101,663.33	427.92	101,673.74	Ogos	422.65	102,085.98	429.72	102,103.46	Sept	409.02	102,495.00	417.62	102,521.08	Jumlah	2,495.00	(a)	2,521.08	(b)
Bulan	Faedah tanpa kompaun			Faedah dikompaun																																															
	Faedah (RM)	Baki akhir bulan (RM)	Faedah (RM)	Baki akhir bulan (RM)																																															
Mac		100,000.00		100,000.00																																															
Apr	409.02	100,409.02	409.02	100,409.02																																															
Mei	422.65	100,831.67	424.38	100,833.40																																															
Jun	409.02	101,240.68	412.43	101,245.82																																															
Julai	422.65	101,663.33	427.92	101,673.74																																															
Ogos	422.65	102,085.98	429.72	102,103.46																																															
Sept	409.02	102,495.00	417.62	102,521.08																																															
Jumlah	2,495.00	(a)	2,521.08	(b)																																															
15.	Adakah pinjaman saya dengan pemberi kredit bukan bank seperti AIA Bhd. layak untuk pakej penangguhan ini?	Walaupun ianya hanya sah untuk pinjaman atau pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi kewangan seperti bank-bank, AIA Bhd. akan menyediakan pakej penangguhan yang sama untuk membantu peminjam kami dengan bantuan kewangan yang sama. Ini adalah untuk membantu peminjam kami menangani masalah kewangan dalam tempoh yang mencabar ini.																																																	
16.	Apakah yang akan berlaku kepada pembayaran balik pinjaman/pembiayaan saya selepas tempoh penangguhan? Apakah pilihan pembayaran balik saya selepas tempoh penangguhan?	<p>Faedah akan terus terkumpul bagi pembayaran balik pinjaman yang ditangguhkan. Ini bermakna amaun pembayaran balik terkumpul semasa tempoh pembayaran balik akan ditambahkan kepada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan.</p> <p>Peminjam mempunyai pilihan untuk meneruskan pembayaran balik selepas tamat tempoh penangguhan selama 6 bulan seperti berikut:</p> <p>a) Meneruskan pembayaran ansuran yang sama. Tempoh pinjaman akan dilanjutkan dengan sewajarnya; atau</p> <p>b) Menyelesaikan semua ansuran dan faedah terkumpul pada akhir tempoh penangguhan.</p> <p>Opsyen (a) akan terpakai secara automatik selepas tempoh penangguhan selama 6 bulan.</p> <p>Jika opsiyen (b) dipilih, peminjam hanya perlu menandatangani ansuran terkumpul dan faedah ke dalam akaun pinjaman tanpa sebarang notis.</p>																																																	

Senarai Soalan lazim ini tertakluk kepada semakan oleh AIA selaras dengan kemas kini peraturan.

No.	Soalan	Jawapan
17.	Berapakah jumlah faedah yang dikenakan pada akhir tempoh penangguhan ini?	Para peminjam boleh melihat jumlah faedah yang dicaj melalui penyata pinjaman dalam talian/e-penyata di portal MY AIA. Sekiranya peminjam masih belum mendaftar untuk MY AIA, sila rujuk perkara (19) di bawah untuk langkah pendaftaran MY AIA.
18.	Adakah pakej penangguhan ini dikenakan kepada pinjaman yang baru diluluskan/dibayar?	Ia terpakai bagi semua pinjaman yang mempunyai baki pinjaman yang belum dijelaskan pada 1 April 2020 dan pinjaman yang baru dibayar sepanjang tempoh penangguhan. Walau bagaimanapun, semua penangguhan akan berakhir pada 30 September 2020.
19.	<p>Bagaimanakah saya boleh mengetahui amaun pinjaman tertunggak saya?</p> <p>Bagaimanakah saya boleh mendapatkan penyata pinjaman?</p>	<p>Penyata pinjaman telah ditukar kepada e-penyata. Anda boleh mengakses penyata bulanan/setengah tahun/tahunan melalui portal MY AIA.</p> <p>Untuk pendaftaran akaun MY AIA, sila ikuti langkah di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Log masuk ke www.aia.com.my atau http://www.aia.com.my 2) Pilih MY AIA dan pilih Pelanggan > log masuk 3) Klik "Daftar Sekarang" 4) Lengkapkan maklumat yang diperlukan untuk "Daftar untuk MY AIA" <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hanya peminjam utama (nama peminjam pertama yang dinyatakan dalam Surat Tawaran untuk peminjam bersama) boleh mengakses dan mencetak Penyata Pinjaman daripada akaun MY AIA. • Untuk mengakses dan melakukan transaksi polisi insurans yang telah diserahkan kepada AIA untuk tujuan pinjaman, sila log masuk ke www.aia.net.my/MyService/ ID pengguna dan kata laluan adalah sama dengan akaun MY AIA anda. <p>Jika anda menghadapi sebarang masalah untuk log masuk, sila hantarkan paparan skrin yang tertera mesej ralat kepada my.loan@aia.com untuk siasatan kami.</p>

Senarai Soalan lazim ini tertakluk kepada semakan oleh AIA selaras dengan kemas kini peraturan.

Senarai Soalan lazim ini tertakluk kepada semakan oleh AIA selaras dengan kemas kini peraturan.